



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ● ● ●

Carian...

Staf  
Email Staf  
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [PPBPI platform Pusat Kecemerlangan Universiti](#)

## PPBPI platform Pusat Kecemerlangan Universiti



PUSAT Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) boleh menjadi sebuah pusat kecemerlangan bagi melahirkan graduan yang lebih berwibawa.

Timbalan Naib Canselor (TNC) (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi berkata untuk mencapai matlamat itu PPBPI perlu lebih menekankan kepada subjek-subjek kemahiran komunikasi bagi menjamin graduan UMK yang berkualiti dan berketrampilan.

"Saya harap PPBPI dapat menjadi human incubator yang bukan sahaja berupaya menanam sikap dan nilai positif dalam kalangan pelajar malah melatih mereka menjadi warga yang lebih peka kepada persekitaran dan hal ehwal semasa," katanya.

Prof. Dr. Roselina berkata demikian semasa kunjungan pertamanya selaku TNC UMK, ke PPBPI di kampus Bachok pada Selasa lepas. Prof. Dr. Roselina memulakan tugas sebagai TNC (AA) UMK pada Mei 2012.

Sehubungan itu beliau menggesa PPBPI merangka program-program outdoor untuk meningkatkan jatidiri pelajar dari semasa ke semasa.

Beliau bagaimanapun mengingatkan sebarang program yang dirangka perlu selari dengan halatuju universiti dan harus memberi keutamaan untuk memberi khidmat dan pembangunan kepada masyarakat setempat.

Pada kunjungan itu Prof. Dr. Roselina, turut menggariskan pelbagai program jangka panjang yang sedang dirancang bagi memantapkan lagi UMK sebagai universiti keusahawanan.

Sebelum itu, Pengarah PPBPI Prof. Dr Farok Zakaria menyampaikan taklimat, diikuti sesi soal jawab dan jamuan ringan. Hadir sama warga PPBPI Kampus Jeli, Kampus Kota dan Bachok.



Bilangan Pelawat :  
297767

[Penafian](#)  
|  
[Dasar Privasi](#)  
|  
[Dasar Keselamatan](#)  
|  
[Soalan Lazim](#)  
|  
[Hubungi Kami](#)  
|  
[Bantuan](#)  
|  
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.  
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly  
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan  
Tel : +609 - 7717000  
Fax : +609 - 7717022  
Email : webmaster@umk.edu.my  
Tarikh Kemaskini: 07/11/2012, 07:46:44.